

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009


Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan
oleh

NADIA BINTI HASSIM

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MENAIKTARAF DAN MEREKABENTUK BARU
KELONG PARADISE WATERFRONT RESORT DI SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  3/4/2009 Cik Zarina binti Za'bar
Koordinator Kursus : _____ Puan Mawar binti Masri
Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa b. Abd Rashid

(Tandatangan/Tarikh)

ABSTRAK

Tujuan laporan kajian ini dibuat adalah untuk projek akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Projek yang dicadangkan adalah Cadangan Menaiktaraf Rekabentuk Ruang Dalaman Kelong Paradise Waterfront Resort di Sabak Bernam, Selangor. Pelbagai proses perlu dilalui bagi menyiapkan tesis ini di mana pelbagai faktor penting telah diambil kira.

Oleh kerana Kelong Paradise Waterfront Resort tidak pernah membuat pengubahsuaian lagi sejak ia mula beroperasi pada tahun 2003 hingga 2008, maka ia perlu dinaik tarafkan bagi mengikut piawaian yang telah ditetapkan bahawa setiap lima tahun sekali setiap hotel dan pusat peranginan perlu melakukan peningkatannya. Selain itu, pemilik ingin membuat perubahan dan menambahkan fasiliti yang ada bagi memenuhi kehendak pelanggan. Antaranya adalah memperluas dan mengatur dewan seminar, menaik taraf bilik dan melengkapkan fasiliti pada setiap bilik, tandas, surau dan sebagainya. Selain itu, ini adalah bagi membantu menaikkan lagi industri pelancongan Negara dan sebagai persediaan agar Kelong Paradise Waterfront Resort menjadi destinasi cadangan Malaysia dan dikenali oleh pelancong dari luar serta tersenarai dalam ZOOM Malaysia dan Tourism Malaysia. Ini kerana pusat peranginan ini hanya tertumpu kepada warga tempatan sahaja dan belum tersenarai di dalam program kerajaan tersebut.

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengubahsuaikan imej dan menaiktaraf rekabentuk sedia ada, mengkaji dan memahami keperluan dan kemudahan yang perlu ada di sesebuah pusat peranginan agar kehendak dan keperluan pelanggan terjamin dan seterusnya memperkenalkan dengan lebih luas lagi Kelong Paradise Waterfront Resort ini. Objektif kajian ini adalah mengenalpasti masalah yang wujud dan seterusnya mencari jalan penyelesaian bagi memenuhi kehendak dan keselesaan pelanggan.

Selain itu juga, kajian kes telah dijalankan terhadap beberapa pusat peranginan yang ada di Malaysia di mana ia perlu diambil kira dari pelbagai aspek kerana ia mempunyai kaitan dengan projek yang dijalankan. Antara kajian kes yang telah dilakukan adalah di Sepang Goldcoast, Resort Tanjung Piai dan Penarik Inn. Kajian dan proses pengumpulan data yang telah dijalankan telah banyak membantu bagi menghasilkan proses rekabentuk yang lebih baik dan mesra pengguna mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh klien.

Konsep yang dicadangkan adalah *symbiosis*. *Symbiosis* adalah hubungan kait gabungan antara satu elemen dengan elemen yang lain dan hasil dari gabungan ini membentuk satu elemen bergantung antara satu sama lain. Antara gabungannya adalah *tropical*, *contemporary*, *rustic* dan *fresh*. *Modern indigenous* adalah imej yang dicadangkan. Iaitu gabungan antara imej moden dan elemen-elemen asli.

Antara cadangan penyelesaian adalah menyediakan kemudahan tandas di tingkat bawah, mengatur ruang di tingkat satu dan mengatur semula ruang bilik ditingkat atas mengikut konsep dan cadangan yang telah dipersetujui.

Abstrak	I
Penghargaan	II
Isi Kandungan	III-VII
Senarai Rajah	VIII-XII
Senarai Jadual	XIII
Senarai Lampiran	XIV
Senarai Singkat Kata	XV

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	
1.1	PENGENALAN	1-2
1.2	METODOLOGI KAJIAN	3
	1.2.1 FASA SATU	3
	1.2.2 FASA DUA	4-5
	1.2.3 FASA TIGA	6-7
1.3	ISU	8
1.4	MATLAMAT KAJIAN	9
1.5	OBJEKTIF KAJIAN	9

1.6	SKOP KAJIAN	10
1.6.1	TEMUBUAL	11
1.6.2	LOKASI TAPAK CADANGAN	11
1.6.3	STRUKTUR BANGUNAN	11
1.6.4	KAJIAN KES	11
1.7	HALANGAN KAJIAN	12
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	12
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATAR BELAKANG	13-19
2.2	CARTA ORGANISASI	20
2.3	VISI	21
2.4	MISI	21
2.5	IMEJ KORPORAT KLIEN	22
2.5.1	LOGO SYARIKAT	23
2.6	PAKEJ YANG DITAWARKAN	24-25
2.7	KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN	26
2.8	PENGINAPAN	27

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Di Malaysia terdapat banyak tempat pelancongan yang menarik untuk dikunjungi. Pelancongan merupakan sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada ekonomi negara selepas sektor perindustrian. Oleh itu, kerajaan telah membuat pelbagai inisiatif dan perancangan bagi memajukan lagi sektor pelancongan ini. Antaranya adalah kerajaan telah memperuntukkan insentif kepada industri pelancongan negara seperti yang telah dinyatakan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (PIA). Dengan wujudnya akta sebegini, dapat menaikkan lagi semangat pelabur dan pemaju industri pelancongan dalam menaikkan ekonomi negara.

Pusat peranginan adalah sebuah tempat rekreasi dan percutian yang dibina untuk beristirehat dan menghabiskan masa lapang bersama dengan keluarga atau rakan-rakan. Pusat peranginan kebiasaanya adalah disalah anggap oleh masyarakat bahawa ianya mempunyai kesamaan dengan hotel. Walaupun pusat peranginan adalah sama fungsinya dengan hotel, tetapi, jenis ruang-ruang yang diperlukan adalah berlainan. Pusat peranginan ini kebiasaannya menyediakan tempat penginapan dan hiburan bagi pengunjung beristirehat dan menghabiskan cuti masa lapang bersama-sama keluarga. Ia biasanya dibina di kawasan tumpuan pelancong ataupun kawasan yang mempunyai pemandangan yang menarik dan mendamaikan seperti kawasan rekreasi, hutan lipur dan berhampiran laut.